

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 AUGUST 2016

Penyelesaian isu pertikaian salah seorang pasangan memeluk Islam bercerai

Setuju pinda Akta 164

WM-26/8/2016

Oleh **SOFIAN BAHAROM**

sofian.baharom@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 25 OGOS

KERAJAAN bersetuju meminda Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 (Akta 164) bagi menyelesaikan isu-isu pertikaian apabila salah seorang daripada pasangan suami isteri yang memeluk Islam bercerai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cadangan pindaan akta yang mendapat persetujuan semua anggota Kabinet tersebut akan dibentangkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada sesi Parlimen yang akan datang.

“Perkara yang menjadi agak sarat dengan kontroversi dan mengundang pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat kita adalah masalah pertukaran agama. Ini terutama sekali apabila

berlaku penceraian dan keputusan salah satu daripada pasangan itu untuk memeluk agama Islam.

“Ada kes-kes yang berlaku dari semasa ke semasa yang menuntut kita untuk mencari satu jalan keluar daripada permasalahan ini maka, saya dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi serta anggota Kabinet telah bersetuju supaya akta tersebut dipinda dalam sidang Parlimen yang akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, isteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim.

Dalam pada itu, Najib berkata, pindaan kepada akta tersebut

adalah berpandukan kepada tiga prinsip utama iaitu yang pertama, sebarang isu berbangkit berkenaan penceraian bagi perkahwinan yang didaftarkan secara sivil perlulah diselesaikan di Mahkamah Sivil terlebih dahulu.

Kata beliau, langkah berkenaan adalah bagi memastikan tuntutan-tuntutan seperti hak jagaan dan nafkah anak-anak hingga ke peringkat pendidikan tertinggi adalah terpelihara dan terjamin.

Najib menambah, prinsip kedua adalah berpaksikan kepada prinsip keadilan sejagat yang mana pindaan akta berkenaan akan memberikan peluang kepada pasangan berkenaan menyelesaikan isu perkahwinan sivil di Mahkamah Sivil.

Beliau menjelaskan, ini membolehkan mereka meneruskan kehidupan masing-masing seperti untuk berkahwin lain bagi pasangan bukan Islam.

“Ketiganya, di samping itu juga,

percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berbangkit daripada pemeluk agama Islam oleh salah seorang pasangan dapat diselesaikan.

“Seterusnya, kelompangan perundangan dan pertindihan peruntukan undang-undang sedia ada dapat diselesaikan,” katanya.

Dengan pengumuman tiga prinsip tersebut, Najib berkata, adalah jelas jika seseorang individu itu berkahwin di bawah undang-undang sivil sebelum memeluk agama Islam, dia perlu menyelesaikan segala urusannya di bawah Mahkamah Sivil.

Seterusnya kata beliau, selepas seseorang itu memeluk Islam, baulah Mahkamah Syariah berkuasa atas segala urusan kekeluargaannya.

“Saya kira inilah prinsip yang amat adil kerana keadilan itu merupakan tonggak kepada tuntutan agama Islam,” katanya.